

Ucapan: ADHO
471
90/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
di-Jamuan Kesatuan Guru2 Kerajaan Sabah, Pada Malam
21hb September 1971, di-Kota Kinabalu

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli2 Jawatankuasa Kesatuan Guru2 Kerajaan Sabah dan ahli2 Kesatuan ini yang telah menjemput saya serta isteri saya dan rombongan menghadziri majlis makan malam yang meriah ini.

Saya sangat-lah tertarek hati di-atas dasar perjuangan KGKS yang mana saya di-fahamkan tidak sahaja berjuang untuk kepentingan ahli2-nya saperti perkara gaji, layanan, perkhidmatan dan sebagai-nya, mereka juga menyokong penoh, memelihara bahkan melaksanakan dasar Kerajaan khusus-nya Dasar Pelajaran Kebangsaan. Saya juga berasa bangga kerana KGKS ia-lah di-antara beberapa persatuan di-Sabah yang menyokong penoh terhadap penubohan Universiti Kebangsaan dan yang pertama menghulorkan derma kepada Tabong Universiti Kebangsaan. Kapada usaha yang baik ini saya ucapkan terima kaseh daun keladi.

Di-dalam majlis yang meriah ini, suka-lah saya menekankan di-sini bahawa para guru ada-lah berisan depan dalam perjuangan hendak menghapuskan buta huruf di-kalangan raayat jelata di-negara kita ini. Saya perchaya kita semua mengetahui dan sedar bahawa di-dalam zaman penjajah, raayat hanya di-beri pengetahuan di-perengkat sekolah rendah, yang chukup pada pendapat mereka untuk membantu mereka dalam kerja sa-hari2, kerana minat penjajah di-kala itu ia-lah memerah hasil tanah jajahan mereka untuk kepentingan negara 'ibunda' mereka. Akibat dari perbuatan ini, perhatian yang tidak chukup telah di-berikan kepada soal pelajaran anak2 kita dan ini ternyata dari kechil bilangan kanak2 masok sekolah yang lebeh-nya ia-lah buta huruf. Sunggoh pun demikian, kita patut merasa bangga oleh kerana sa-telah kita menchapai kemerdekaan kita mempunyai kuasa2 untuk membentok nasib bangsa kita sendiri melalui lunas2 dan puncha2 pelajaran. Satu daripadanya, saperti mana yang Che Gu2 ketahui ia-lah melalui penggunaan satu bahasa pengantar ia-itu Bahasa Malaysia.

Lawatan saya ka-Sabah ini sapatut-nya telah saya lakukan terlebih awal daripada ini tetapi oleh kerana beberapa sebab yang tertentu, maka lawatan tersebut hanya dapat saya adakan dalam minggu ini.

Pada malam yang permai ini, saya suka-lah menyatakan bahawa di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Kerajaan telah meluluskan satu peruntokan yang banyak juga ia-itu sebanyak \$36 juta. Dari jumlah ini, \$11 juta akan di-belanjakan untuk membena beberapa buah sekolah rendah dan bilek2 darjah serta bangunan2 tambahan. Sementara itu, lagi \$14,800,000.00 akan di-belanjakan untuk membena beberapa buah sekolah menengah dan bangunan2 tambahan pada sekolah2 yang sedia ada.

Selain daripada itu, saya sedar guru2 di-negeri Sabah ini belum menchukupi dan yang ada pun saya perchaya patut di-beri latehan dalam perkhidmatan. Oleh yang demikian, di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua ini satu peruntukan yang agak besar juga ia-itu hampir \$2 juta telah di-untukkan bagi mengadakan beberapa latehan guru di-seluruh negeri ini. Dengan ini, jelas-lah pada kita bahawa sekali pun Sabah ini jauh daripada Kuala Lumpur, tetapi dalam soal pembangunan dan kemajuan pelajaran sama-lah di-neikmati-nya saperti yang di-perolehi oleh negeri2 lain di-Malaysia ini. Maka terserah-lah kepada murid2, guru2 dan ibu2 bapa serta Kerajaan negeri ini untuk menggunakan kemudahan2 yang di-beri oleh Kerajaan Pusat. Saya berharap guru2 akan mendidik dan mengasoh anak2 kita supaya mereka menjadi golongan yang terpelajar dan yang bertanggung-jawab dan bersedia berkorban untuk memelihara kedaulatan negara kita bagi masa2 yang akan datang.

Selain daripada itu, pada guru2 suka-lah saya menyeru agar memberikan kerjasama yang lebeh rapat kepada pegawai2 dari Pejabat Pelajaran Sabah dengan tujuan untuk menyelaraskan kerja2 di-semua sekolah supaya perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan akan berjalan dengan lichen dan memberi kesan yang baik kepada pelajaran anak2 kita di-sini.

Selain daripada itu, suka-lah saya menyatakan kepada majlis yang meriah ini bahawa taraf pelajaran di-Sabah ini semakin tinggi apabila negara ini menchapai kemerdekaan-nya. Kaum guru harus sedar hakikat ini bahawa mereka-lah tenaga pengajar yang kita harap2kan sangat. Dengan demikian, saya berharap mereka jangan-lah hendak-nya berpuas hati dengan kelulusan dan kechapaian yang ada serta kelulusan dalam peperiksaan SRP, MCE atau SPM dan sa-terus-nya Sijil Tinggi Persekolahan. Sebalek-nya, anak2 itu mesti-lah di-galakkan supaya mereka menyambungkan pelajaran mereka hingga-lah ka-perengkat universiti yang tersedia ada di-negara kita.

Akhir kata, saya sekali lagi menguchapkan terima kasih di-atas sambutan yang meriah yang di-berikan kepada saya dan isteri saya serta rombongan dan di-harapkan agar guru2 akan berjaya dalam apa jua usaha yang di-jalankan.



No Siri	71
No Penerimaan	71/80